

"JADI MELAYU": TELEVISYEN DAN PEMBENTUKAN IDENTITI WANITA KETURUNAN JAWA DI MALAYSIA

LILY EL FERAWATI ROFIL, MD AZALANSHAH MD SYED
& AZIZAH HAMZAH
UNIVERSITI MALAYA

Abstrak

Artikel ini membincangkan penontonan televisyen dalam kalangan wanita keturunan Jawa di Sabak Bernam dan hubungannya dengan pembentukan identiti sehari-hari. Masyarakat keturunan Jawa di Malaysia diiktiraf sebagai bangsa Melayu dan terdedah dengan budaya arus perdana negara ini melalui pelbagai saluran seperti televisyen. Pada masa yang sama, mereka masih mengekalkan identiti dan budaya Jawa mereka. Dengan perkataan lain, pembentukan identiti budaya mereka dipengaruhi oleh "agensi manusia dan struktur sosial." Bagaimanapun, artikel ini berhujah bahawa pembentukan identiti dan imej kendiri masyarakat keturunan Jawa di Malaysia perlu difahami dalam konteks yang lebih luas dengan mengambil kira peranan kandungan televisyen yang turut mempengaruhi proses tersebut. Berdasarkan dapatan awal kajian etnografi di Sabak Bernam, artikel ini mendapati bahawa wanita keturunan Jawa di Malaysia mengamalkan penontonan keagamaan dan demokratik untuk mengukuhkan identiti budaya dan politik mereka dalam usaha untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu.

Kata kunci: *Televisyen, identiti, Melayu, Jawa, Malaysia*

“BECOMING MALAY”: TELEVISION AND THE CONSTRUCTION OF FEMALE JAVANESE DESCENDANTS IN MALAYSIA

Abstract

This article discusses the consumption of television and the construction of everyday identities among the Malay women of Javanese descent in Sabak Bernam. Malaysian Javanese communities that constitute Malay society are exposed to the Malay identity discourses through various channels including television. At the same time, they maintain Javanese identity and customs in their everyday lives. In this way, their construction of cultural identity is influenced by the existence of “human agency and social structures.” However, this article argues that the construction of identity and self-images experienced by the Javanese communities in Malaysia needs to be understood in a broader context by considering the role and influences of television. Based on the preliminary findings from the audience ethnography in Sabak Bernam, this article reveals that the female Javanese descendants in Malaysia practice Islamic and democratic viewing to reinforce their cultural and political identities in order to become the constituent part of the Malay society.

Keywords: *Television, identity, Malay, Javanese, Malaysia*

PENGENALAN

Artikel ini membincangkan bagaimana wanita Melayu keturunan Jawa di Sabak Bernam Selangor memahami identiti mereka sebagai orang Melayu melalui aktiviti penontonan televisyen di rumah. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu keturunan Jawa merujuk kepada anak-cucu pendatang dari Pulau Jawa yang lahir dan membesar di Malaysia. Mereka kini dianggap sebahagian daripada masyarakat Melayu yang akur terhadap Perlembagaan Malaysia dan aspek-aspek kewarganegaraan. Pada masa yang sama, mereka masih mengekalkan tradisi budaya dan bahasa pertuturan Jawa dalam konteks sehari-hari (Khazin dan Sukiman, 1980; Mohamad Subakir, 1996; Noriah, 2001; Sekimoto, 1994).

Terdapat sebilangan sarjana yang telah mengkaji masyarakat keturunan Jawa di Malaysia khususnya dari segi kedatangan dan penempatan (Bahrin, 1967; Khazin, 1988, 1984; Khazin dan Sukiman, 1980), kehidupan ekonomi (Sekimoto, 1994), serta budaya dan bahasa (Mohamad Subakir, 1996; Noriah,

2001). Dengan mempertimbangkan peranan televisyen sebagai sumber budaya, kajian ini menumpukan perhatian pada proses pentafsiran kandungan media yang berkaitan dengan pemahaman dan pembentukan identiti kemelayuan dalam kalangan wanita Melayu keturunan Jawa di Malaysia. Televisyen yang menyediakan gambaran realiti masyarakat sememangnya boleh mempengaruhi masyarakat keturunan pendatang untuk mentafsir dan membentuk semula identiti mereka (Adriaens, 2014; Barker, 1997; Gillespie, 1995). Persoalannya, bagaimanakah masyarakat keturunan Jawa yang berkongsi sejarah dan budaya dengan masyarakat Melayu suatu ketika dahulu mentafsir wacana-wacana identiti di kaca televisyen dalam proses pembentukan semula identiti mereka?

PEMBENTUKAN IDENTITI MELAYU DI MALAYSIA

Pembentukan identiti Melayu sejak era penjajahan Inggeris sehingga ke hari ini dipengaruhi kepentingan politik pihak berkuasa. Konsep Melayu sebagai bangsa pertama kali diperkenalkan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1824 untuk membezakan penduduk asli Tanah Melayu dengan bangsa asing yang datang berhijrah pada tempoh masa tertentu seperti orang-orang Cina dan Eropah (Milner, 2002; Reid, 2001). Namun, penjajah Inggeris sering mengaitkan bangsa Melayu dengan komuniti luar bandar, taat kepada pemerintah, berfahaman konservatif dan kurang mempunyai sikap rajin (Reid, 2001: 306). Penggunaan istilah Melayu yang samar ini kemudian dikritik oleh penulis Melayu, Abdullah Munshi yang berhujah bahawa bangsa Melayu perlu dianggap sebagai entiti kaum yang mempunyai asal usul etnik, garis keturunan, budaya dan bahasa tersendiri (Milner, 2002; Reid, 2004; Shamsul, 2001). Abdullah Munshi juga menekankan bahawa identiti kemelayuan tidak semata-mata digambarkan oleh sikap kesetiaan kepada raja tetapi boleh diperluas melalui perkongsian penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penduduk Kepulauan Melayu (Milner, 2002: 51).

Menurut Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu (Andaya, 2001; Nagata, 1974; Vickers, 2004). Justeru, Islam dan adat Melayu merupakan ciri yang bersifat subjektif dalam menentukan sama ada seseorang individu itu boleh menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu atau tidak. Kesannya, kaum Melayu tidak tertumpu kepada etnik Melayu asli tetapi turut meliputi keturunan kumpulan etnik yang berasal dari Indonesia, Arab, dan India kerana menepati konteks dan ciri-ciri Melayu seperti yang digariskan oleh Perlembagaan Malaysia. Ini menunjukkan bahawa masyarakat keturunan Jawa di Malaysia juga boleh ditakrifkan sebagai bahagian daripada masyarakat Melayu.

Hakikatnya, masyarakat keturunan Jawa di Malaysia merupakan salah satu kumpulan etnik dari Indonesia yang membentuk populasi masyarakat Melayu di Malaysia. Malah, kewujudan mereka dianggap sebagai “cawangan” dalam masyarakat Melayu kerana mereka mengamalkan agama dan budaya yang

hampir serupa dengan komuniti Melayu secara keseluruhannya (Milner, 2002). Walaupun Melayu dan Jawa di Indonesia dianggap sebagai etnik yang berbeza, pihak kerajaan menganggap kedua kumpulan etnik berkenaan berada dalam satu kumpulan bangsa yang sama (Tirtosudarmo, 2005). Meskipun masih mengekalkan beberapa unsur budaya Jawa, mereka menerima dan mengamalkan ajaran dan prinsip Islam yang diterima pakai dalam kalangan masyarakat Melayu. Dalam usaha mengukuhkan identiti Islam, komuniti diaspora ini meninggalkan aspek-aspek budaya yang bertentangan seperti amalan perubatan tradisional dengan bantuan bomoh dan kuasa mistik (Miyazaki, 2000; Noriah, 2001). Hakikatnya, mereka hidup dalam komuniti mereka sendiri dan masih mengekalkan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan sehari-hari (Mohamad Subakir, 1996; Sekimoto, 1994). Seperti kebanyakan masyarakat Melayu lain, masyarakat keturunan Jawa tertakluk kepada jangkaan sosial dan budaya yang berkaitan identiti Melayu seperti yang telah ditetapkan kerajaan.

Walaupun kerajaan memainkan peranan besar dalam pembentukan identiti di Malaysia, tafsiran terhadap konsep identiti perlu juga difahami dari perspektif seharian. Menurut Shamsul A. B. (1996), pembentukan identiti perlu difahami dalam dua konteks realiti sosial iaitu dengan mengambil kira tafsiran yang ditentukan oleh kerajaan (*authority-defined*) dan tafsiran seharian (*everyday-defined*). Menurut Shamsul, realiti sosial mengikut tafsiran oleh kerajaan merupakan jangkaan-jangkaan berkaitan identiti yang ditentukan oleh struktur kuasa dominan, manakala realiti sosial mengikut tafsiran seharian merujuk kepada pengalaman-pengalaman individu dalam konteks sehari-hari (1996: 477). Shamsul (2001) pada masa yang sama menyatakan bahawa wacana atau perdebatan mengenai pembentukan identiti di Malaysia menerusi tafsiran seharian merupakan keadaan yang bersifat subjektif dan tidak bersandarkan realiti secara empirikal. Namun, kajian ini berhujah bahawa jika tafsiran mengenai identiti sesuatu kumpulan masyarakat yang bersandarkan pengalaman seharian secara kolektif diteliti dengan jitu, hasilnya mampu menyumbang dan memperbaharui takrifan identiti seperti yang digariskan oleh kerajaan. Sehubungan itu, memahami proses pembentukan identiti melalui interaksi dan penggunaan teks televisyen dalam konteks kehidupan seharian harus diteliti oleh sarjana media dan budaya.

TELEVISYEN DAN PEMBENTUKAN IDENTITI

Peranan teknologi media dalam pembentukan identiti telah menjadi isu penting dalam kajian budaya sejak era percetakan lagi. Konsep *imagined community* atau “komuniti bayangan” yang diperkenalkan oleh Anderson (1983) mencadangkan bahawa idea pembentukan identiti dipengaruhi oleh penggunaan media. Seiring dengan perkembangan teknologi media dan arus globalisasi, televisyen dilihat sebagai sumber utama yang menyediakan imej dan makna budaya bagi penonton untuk mentakrif, membentuk dan mengembangkan semula identiti mereka (Hartley, 2008; Morley, 2005; Silverstone, 1994). Televisyen juga masih

berperanan besar untuk merangsang penyertaan sosial dan politik meskipun kuasanya mula diambil alih oleh media baharu (Boulianee 2011, Eveland and Scheufele 2000; Livingstone and Markham 2008). Hakikatnya, identiti yang sentiasa dalam proses perubahan dibentuk dan ditafsir dalam konteks pemaparan (Hall, 2000), sama ada pemaparan budaya, sosial, ataupun politik.

Secara amnya, identiti merupakan hasil daripada pembentukan sosial yang menjelaskan bagaimana manusia menjadi seorang individu, subjek sosial, dan ahli sebuah masyarakat budaya (Barker, 2012; Hall, 2000). Stuart Hall (2000: 2-5) menjelaskan bahawa identiti berkaitan dengan politik lokasi (a politics of location); persoalan berkenaan pengenalpastian; penggunaan sumber-sumber sejarah, bahasa, dan budaya dalam proses menjadi seorang individu; serta permainan kuasa dan pertahanan Setiap ahli masyarakat biasanya melalui proses pembentukan identiti kendiri dan kolektif yang mewakili gender, kelas sosial, kumpulan etnik dan kewarganegaraan mereka. Dalam proses pembentukan tersebut, mereka perlu mempertimbangkan konsep verbal dan pengenalpastian beremosi untuk memenuhi jangkaan-jangkaan masyarakat bagi menentukan jati diri dan identiti sosial mereka (Barker, 2012: 215). Aspek-aspek pembentukan identiti ini berkaitan dengan keupayaan seseorang untuk menggunakan agensi kemanusiaan (human agency) mereka dan mempertimbangkan struktur sosial (social structures) yang membentuk mereka sebagai salah satu komponen dalam kumpulan sosial dan budaya tertentu (Bandura, 2001; Giddens, 1984). Struktur sosial yang wujud dalam pergaulan sosial juga wujud secara simbolik menerusipemaparan televisyen yang dinikmati oleh penonton setiap hari (Buckingham, 2003; Buckingham and Sefton-Green, 2003).

Terdapat sebilangan besar sarjana Barat yang telah mengkaji hubungan penontonan televisyen dan pembentukan identiti terutamanya dalam kalangan komuniti diaspora. Sebagai contoh, Marie Gillespie (1995) yang melakukan kajian terhadap belia Punjabi di Southall, London mendapati bahawa golongan ini memahami budaya dan nilai-nilai tradisional India melalui rancangan dan filem Bollywood. Pada masa yang sama mereka melakukan proses pengadaptasian dengan budaya belia di Inggeris melalui penontonan drama rantaian tempatan. Selain itu, Chris Barker (1997) dalam kajiannya mendapati bahawa drama rantaian Barat mempunyai sumbangan penting kepada remaja perempuan keturunan Asia dan Afro-Carribean di Inggeris dalam usaha memahami nilai-nilai positif dan negatif melalui pengalaman dan pemikiran peribadi yang diperolehi menerusi kumpulan rakan sebaya dan keluarga. Belia keturunan Turki di Belgium pula memahami kandungan televisyen dan mengaitkannya dengan kedudukan mereka sebagai komuniti keturunan Turki dan warga Belgium (Adriaens, 2014). Kajian-kajian ini menekankan bahawa gabungan kandungan televisyen tempatan dan rancangan dari negara asal nenek moyang komuniti diaspora membantu mereka membentuk suatu identiti yang bersifat campuran.

Dengan menggunakan konteks diaspora yang berbeza, artikel ini berhujah bahawa masyarakat keturunan Jawa boleh dikatakan sebagai komuniti diaspora

yang membentuk populasi masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia. Secara amnya, diaspora merujuk kepada anak-cucu pendatang yang tidak lagi terikat dengan negara asal (Clifford, 1994; Hall, 1990; Karla et al., 2005). Umi Manickam Khattab (2010) menekankan dalam tulisannya bahawa masyarakat keturunan Indonesia – termasuk komuniti keturunan Jawa – boleh digolongkan dalam komuniti diaspora Indonesia yang kini telah menjadi sebahagian daripada masyarakat Melayu kerana berkongsi agama dan bahasa yang sama. Bagaimanapun, konteks diaspora Jawa berbeza daripada konteks diaspora tertentu di Barat yang menyaksikan budaya pendatang selalunya bertentangan dengan budaya tempatan. Justeru, artikel ini menumpukan perbincangan kepada aspek-aspek yang mencerminkan integrasi masyarakat keturunan Jawa ke dalam masyarakat Melayu dengan mengambil kira pengaruh kandungan televisyen. Ini berbeza daripada kajian oleh sarjana Barat yang menekankan pembentukan identiti kaum diaspora yang cenderung kepada usaha-usaha integrasi ke dalam budaya kebangsaan yang berlainan daripada budaya asal mereka.

Budaya kebangsaan merupakan aspek penting dalam pembinaan identiti kebangsaan melalui saluran-saluran media terutamanya sistem penyiaran. Kartigesu (1986) menyatakan bahawa Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang bertindak sebagai sistem penyiaran awam di Malaysia memainkan peranan penting dalam mempromosikan nilai-nilai dan identiti kebangsaan. Dasar-dasar penyiaran Malaysia juga diwujudkan untuk memastikan saluran televisyen awam dan swasta mengutamakan usaha pengukuhan identiti dan budaya tempatan (Roslina et al., 2013; Samsudin dan Latiffah, 2010). Bagaimanapun, pemisahan produksi media mengikut tiga kaum utama (Melayu, Cina, dan India) boleh menghalang terciptanya budaya kebangsaan yang kukuh (Banerjee, 2000).

Kesannya, televisyen di Malaysia lebih berperanan dalam proses pembentukan identiti budaya tempatan. Perkaitan antara penontonan televisyen dan pembentukan identiti ini sering kali difahami dari sudut pandang yang menekankan usaha pentafsiran dan penapisan budaya asing yang dibawa oleh arus globalisasi. Sebagai contoh, kajian Haryati Abdul Karim (2014) terhadap golongan remaja dari pelbagai etnik menunjukkan bahawa belia Melayu, Cina, India, dan Kadazandusun mengamalkan “refleksiviti-diri” dalam memahami kandungan televisyen. Golongan belia dalam kajian ini mengamalkan pengukuhan identiti dengan cara mengesan nilai-nilai sosial dan budaya tempatan dalam drama-drama dari negara Asia dan mengadun nilai budaya baharu dalam drama Barat ke dalam sistem nilai mereka (Haryati, 2014: 101). Penonton televisyen di Malaysia sememangnya terdedah kepada rancangan asing tetapi mereka lebih mengutamakan rancangan tempatan berbanding rancangan import (Arif Anwar et al., 2014; Juliana et al., 2013). Faktor kedekatan budaya (Straubhaar, 2007) menjadi alasan utama drama tempatan lebih mendominasi skrin televisyen berbanding drama dari negara-negara Asia seperti Korea, Taiwan, Indonesia, Jepun, dan Filipina (Juliana et al., 2013: 168). Drama dan rancangan realiti bercorak keislaman menjadi pilihan yang paling diminati oleh penonton Melayu

kerana boleh memberi pengajaran positif (Faizul Nizar dan Nor Azura, 2013; Saodah et al., 2012; Zulkiple, 1998) serta menyediakan ruang perbincangan awam (Juliana, 2011) yang seterusnya mempengaruhi pengukuhan identiti.

Selain mesej budaya, kandungan televisyen berkaitan dengan isu-isu semasa dan politik juga mempengaruhi pembentukan identiti seseorang, terutama identiti kebangsaan dan kewarganegaraan. Berita yang memaparkan aspek-aspek “banal nationalism” (Billing, 1995), juga mempengaruhi pembentukan dan pengukuhan identiti kebangsaan. Ini kerana berita televisyen memberikan maklumat dan pengetahuan politik serta menggalakkan penyertaan sivik bagi warga negara (Eveland dan Scheufele, 2000; Livingstone dan Markham, 2008). Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa rancangan berita turut mempengaruhi pembentukan identiti seorang individu dari segi tanggungjawab sivik terhadap negara. Dengan mengambil kira kepentingan kandungan budaya dan kandungan politik dalam rancangan televisyen, kajian ini berhujah bahawa gabungan pengetahuan yang diperolehi daripada pelbagai genre televisyen mampu mempengaruhi kelompok etnik tertentu termasuk wanita keturunan Jawa untuk membentuk identiti yang bersesuaian dengan realiti persekitaran sebagai bangsa Melayu dan warga Malaysia.

ETNOGRAFI KHALAYAK WANITA KETURUNAN JAWA DI SABAK BERNAM

Perbincangan dalam artikel ini merupakan dapatan awal daripada kajian etnografi khalayak di Kampung Parit Tujuh Baroh, Mukim Sungai Leman di daerah Sabak Bernam, Selangor. Lokasi ini dipilih sebagai tapak kajian kerana majoriti penduduknya merupakan keturunan Jawa. Pemerhatian awal yang dilakukan pada tahun 2011 mendapati bahawa wanita Melayu keturunan Jawa di kampung ini mempunyai minat mendalam terhadap drama rantaian dari Indonesia. Minat mereka dipamerkan menerusi keterujaan ketika membincangkan jalan cerita dalam drama berkenaan dengan rakan sebaya. Keadaan ini mendorong pengkaji untuk memahami sejauh manakah kandungan televisyen sama ada rancangan tempatan atau pun yang diimport dari Indonesia mempengaruhi pemahaman mereka tentang pentafsiran dan pembentukan identiti budaya.

Seperti yang dijelaskan oleh sarjana komunikasi, etnografi khalayak merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengkaji penggunaan media dalam konteks budaya seharian melalui kaedah temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta (Alasuutari, 1999; Moores, 1996). Pengkaji berjaya melakukan temubual terhadap dua puluh orang wanita Melayu keturunan Jawa yang berumur antara 44 dan 72 tahun yang dipilih menggunakan kaedah snowballing (Lindlof dan Taylor, 2011). Untuk mendapatkan hasil temubual berkesan, pengkaji menggunakan bahasa yang sesuai dengan keselesaan responden. Sebahagian responden memilih bahasa Melayu dan yang lainnya lebih selesa bertutur dalam bahasa Jawa. Selain temubual, pengkaji turut menyertai penontonan televisyen bersama-sama responden. Ini dilakukan untuk mendapatkan ulasan yang lebih

semula jadi daripada responden, selain untuk mengesahkan jawapan responden semasa temubual.

Sebelum memulakan kajian, pengkaji menemui ketua kampung yang dikenali dengan gelaran “sidang” untuk mendapatkan kebenaran mengadakan kajian serta mendapatkan maklumat am tentang kampung dan masyarakat. Hasil temubual yang dijalankan menunjukkan bahawa kampung Parit Tujuh Baroh telah dibuka pada tahun 1935 oleh empat belas pendatang dari Pulau Jawa yang meneroka hutan untuk dijadikan kawasan pemukiman dan perkebunan. Populasi berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2010 memperlihatkan kampung tersebut dihuni seramai 1,440 orang dengan 90 peratus daripadanya merupakan warga keturunan Jawa. Kampung yang berkeluasan 1491 ekar ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu sawah bendar dan persisiran pantai yang terletak bersebelahan dengan Selat Melaka. Majoriti masyarakat keturunan Jawa menduduki kawasan persisiran dan menjalankan aktiviti harian dalam sektor pertanian dan lain-lain. Golongan wanita pula kebanyakannya menjadi suri rumah yang tidak hanya mengurus rumah tangga malah mengusahakan kebun di kawasan tepi rumah. Pada masa yang sama, mereka gemar menonton televisyen pada masa lapang.

PENONTONAN TELEVISYEN DAN PEMBINAAN MORAL KEAGAMAAN

Pembentukan identiti Melayu melalui penontonan televisyen dalam kalangan wanita keturunan Jawa di Kampung Parit Tujuh Baroh amat berkait rapat dengan aspek pembangunan “moral keagamaan” atau religious morality. Seperti yang telah dijelaskan, penerimaan Islam dan adat menjadi faktor penting dalam proses pembentukan identiti Melayu (Nagata, 1976; Reid, 2001; Vickers, 2004) dan ini termasuklah kepentingan untuk mematuhi nilai-nilai moral yang telah digariskan dalam masyarakat. Seperti mana kebanyakan masyarakat luar bandar yang masih taat dengan ketetapan sosial dan budaya (Nagata, 1974), wanita Melayu keturunan Jawa di Kampung Parit Tujuh Baroh memahami kepentingan pembangunan moral keagamaan sebagai bahagian daripada pembentukan jati diri masyarakat Melayu. Panduan daripada nenek moyang Jawa dan pengalaman hidup membolehkan mereka untuk mengembangkan diri dari segi keagamaan supaya diterima sebagai ahli masyarakat setempat. Antaranya dengan cara meningkatkan pengetahuan agama dan membangunkan keluarga berdasarkan nilai-nilai Islam dan adat Melayu.

Bagi wanita Melayu keturunan Jawa, televisyen memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan pengetahuan Islam. Hampir semua responden yang ditemubual mengakui bahawa rancangan televisyen yang paling diminati ialah rancangan agama. Alasan utama mereka menonton rancangan keagamaan adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan agama terutama berkaitan dengan amalan-amalan sunnah dan kemahiran membaca Al-Quran.

(Alasan suka menonton rancangan agama ialah) untuk tambah ilmu pengetahuan. Bacaan memang ada, tapi akak tak sempat duduk baca. Kan kalau buka TV kita boleh sambil buat kerja, dengar. (Zaiyah, 44 tahun, suri rumah, temubual 16 Julai 2013)

(Saya suka menonton) macam ceramah-ceramah itu. Habis nak pergi surau payah (kerana) jaga cucu. Kat TV pun ada (ceramah-ceramah). Sama saja ya ajar macam doa-doa, sembahyang, apa saja kan? (Syarifah, 66 tahun, suri rumah, temubual 04 April 2013)

(Menonton rancangan agama) berguna bagi kita sebagai orang Islam. Kalau tengok (TV) itu kan kita duduk rumah, nak tahu tentang agama, macam (kewajiban) bertudung bagi perempuan, (cara-cara) mandikan mayat. Itu penting bagi kita. (Marina, 55, suri rumah, temubual 18 Jun 2013)

Kajian lepas mendapati bahawa masyarakat Melayu yang gemar menonton rancangan bertemakan Islam mudah terpengaruh untuk meningkatkan amalan keagamaan yang seterusnya membuka peluang membina semula identiti sebagai umat Islam (Faizul Nizar dan Nor Azura, 2013; Zulkiple, 1998). Namun, bagi wanita Melayu keturunan Jawa dalam kajian ini, mempertingkatkan pengetahuan tentang agama merupakan suatu proses peralihan dan usaha menempatkan diri sebagai ahli dalam masyarakat Melayu. Beberapa responden mengakui bahawa sebahagian unsur budaya Jawa bertentangan dengan ajaran Islam dan pendedahan imej-imej budaya Melayu dan Jawa dalam televisyen menguatkan pemahaman mereka tentang Islam yang diterima pakai dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini.

Orang Jawa kurang Islam sikit. Kalau orang Banjar kuat Islamnya. Dulu kita mana ada pakai tudung. Kita pun pakai kebaya pendek-pendek saja. Saya pun dulu tak pakai tudung. Tengok TV lah kita tahu kena pakai tudung, pakai baju kurung. Sebab nak ikut cara Islam kan? (Fatonah, 61, suri rumah, temubual 23 April 2013)

Saya suka tengok Dongeng. Ceritanya (tentang) Nyi Blorong, Roro Kidul. Dulu Mbah (nenek) kita, pak dhe (Pak Long) kita, abang-abang kita, bapak kita yang orang Indonesia pernah cerita macam itu. Ceritanya orang nak kaya, minta bantuan jin-jin yang ngacau orang. ... Itu untuk pengetahuan sahaja, buat seronok-seronok, bagi peringatan, tapi kita tak ngikut. Sekarang kita tak buat macam itu. (Karim, 62 tahun, suri rumah, temubual 31 Mac 2014)

Hakikatnya, responden ini tidak hanya menonton rancangan tempatan malah turut meminati drama rantaian dari Indonesia. Walaupun tidak semua drama rantaian Indonesia bertemakan Islam, responden boleh menangkap mesej positif dan menghubungkaitannya dengan ajaran Islam. Pendedahan imej-imej kemelayuan yang digambarkan melalui pemakaian tudung dan baju kurung

dianggap oleh responden sebagai simbol kepatuhan kepada ajaran Islam yang perlu diamalkan. Selain itu, pentafsiran dan penolakan responden terhadap pemaparan budaya mistik Jawa yang digambarkan menerusi kisah drama Nyi Blorong dan Roro Kidul dalam rancangan Dongeng di TV3 menunjukkan kesedaran responden terhadap akidah Islam yang diamalkan oleh masyarakat Muslim di Malaysia.

Selain rancangan realiti keagamaan, responden juga mendapatkan pemahaman tentang ajaran dan moral keagamaan daripada rancangan popular. Responden menyatakan bahawa mereka menggemari rancangan drama rantaian, terutama yang bertemakan Islam kerana mesej-mesej keagamaan yang terkandung di dalamnya.

Mak cik suka rancangan HidayahMu dari Indonesia, pasal dia banyak pengajaran. (Setiap perbuatan jahat) ada pembalasan. Di situ lah yang elok. Orang berbuat jahat, automatik dalam dunia sudah dibalas. (Marhamah, 57 tahun, suri rumah, temubual 5 Mei 2014)

Kalau macam Tanah Kubur itu kan pasal harta, pusaka, tamak. (Orang) tamak nanti dapat balasannya macam itu. Macam, orang tak sholat digambarkan mati (dalam keadaan) telingahnnya hitam. (Suriati, 58 tahun, suri rumah, temubual 22 April 2014)

Rancangan HidayahMu merupakan drama bersiri bertemakan Islam Indonesia yang disiarkan di TV3 manakala Tanah Kubur adalah hasil produksi tempatan dengan genre yang sama yang disiarkan menerusi saluran Astro Oasis. Kedua-dua rancangan ini mempunyai format yang sama iaitu memperkenan pelbagai kisah yang berbeza pada setiap episod. Kisah-kisah yang disampaikan biasanya menggambarkan sifat dan sikap yang negatif seperti tamak, sompong dan iri hati yang bakal mendapat azab dari Allah. Responden mentafsirkan pemaparan berkenaan dan menghubungkannya dengan amalan dan perilaku sehari-hari untuk membina peribadi dan keluarga Muslim yang sempurna. Keadaan ini menunjukkan bahawa wanita keturunan Jawa tersebut memahami dan menyedari keutamaan pembangunan moral keagamaan dalam memahami teks televisyen untuk mengukuhkan identiti Islam khususnya dan Melayu amnya.

PENONTONAN TELEVISYEN DAN PEMAHAMAN MORAL POLITIK KEBANGSAAN

Selain budaya, kandungan politik juga menjadi salah satu aspek penting bagi wanita keturunan Jawa untuk memahami identiti Melayu mereka. Kandungan politik yang ditayangkan oleh rancangan berita menyediakan maklumat-maklumat tentang pengetahuan moral politik (political morality) yang menjadi sumber bagi penyertaan sivik (Livingstone dan Markham, 2008). Pendedahan secara berterusan terhadap isu-isu semasa dan pengalaman berkaitan dengan

aspek-aspek ekonomi-politik telah membantu mereka membentuk idea-idea tentang pendirian politik untuk kepentingan komuniti. Dari segi kehidupan sosial sehari-hari, responden yang ditemui menganggap budaya keseharian mereka memperlihatkan bahawa mereka masih mengekalkan identiti Jawa. Namun dari segi politik, semangat kekitaan atau sense of belonging (Barker, 2012) mereka diterjemahkan menerusi sokongan moral kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN). Sokongan moral ini jelas terlihat menerusi pandangan positif mereka tentang pemerintahan dan pemimpin politik UMNO dan BN yang didedahkan dalam berita di televisyen.

Kesemua responden yang ditemui menonton berita secara rutin terutamanya berita yang ditayangkan pada waktu perdana. Antara rancangan berita yang menjadi pilihan ialah Buletin Utama TV3 dan Berita 9 di saluran TV9. Melalui penontonan berita ini, mereka terdedah kepada isu-isu awam seperti isu kenaikan harga barang, perlaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), dan konflik politik antara pemimpin politik nasional. Ditanya mengenai isu kenaikan harga barang, beberapa responden melihatnya secara positif.

Kadang benda itu dari orang bawahan dulu. Kerajaan kalau nak menaikkan barang dia bagi subsidi dulu. Lagipula kenaikan setakar 5 sen, 10 sen saja. Mampu lagi. Tak ada berat sangat. Kalau (naik) seringgit, dua ringgit itu baru jadi beban. (Nasuha, 49 tahun, penjual nasi lemak, temubual 5 Mei 2014)

Saya ikut saja apa yang kerajaan mahu. Saya tak ada bangkang-bangkang. (Pasal) kenaikan (harga barang) itu, kita nak marah pun tak boleh sebab sudah ditetapkan. Jadi ikut saja. (Sarinah, 47 tahun, penjahit, temubual 28 Mei 2014)

Ya tak boleh salahkan kerajaan. Itu kerajaan nak ambil untung untuk bantuan-bantuan. Jadi dia ambil peluang lah. (Tasneem, 67 tahun, suri rumah, temubual 2 Jun 2014)

Isu kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang menjadi perdebatan awam antara pihak kerajaan dan pembangkang menerusi berita turut menjadi topik perbincangan dalam kalangan responden kajian ini. Meskipun ada dalam kalangan mereka yang tidak bersetuju, kebanyakannya masih akur dengan keputusan tersebut. Penilaian positif mereka tentang usaha kerajaan menunjukkan pemahaman moral politik tentang sikap dan tindakan sebagai warga negara dan penyokong Barisan Nasional. Seperti yang ditekankan oleh Fish (1980), khayalak televisyen cenderung menilai sesuatu perkara mengikut keyakinan dan pengalaman mereka berkaitan dengan sesuatu perkara yang dikongsi dengan “komuniti tafsiran” mereka. Penilaian positif tentang dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional menunjukkan bahawa wanita keturunan Jawa berkongsi keyakinan dan semangat kekitaan dengan masyarakat Melayu yang menjadi penyokong Barisan Nasional.

Selain membina makna mengikut komuniti tafsiran mereka, penonton juga berkongsi keyakinan dengan komuniti bayangan (Anderson, 1983) melalui pemahaman tentang realiti yang mewakili aspek-aspek kehidupan kebangsaan. Ini kerana isu-isu awam dan politik semasa yang dihebahkan oleh media boleh memberikan pengetahuan sosial dan politik serta membangkitkan penyertaan sivik yang menjadi sumber identiti kewarganegaraan mereka (Boulianne 2011, Eveland and Scheufele 2000; Livingstone and Markham 2008). Wanita keturunan Jawa dalam kajian ini sentiasa menonton berita untuk mengetahui hal ehwal semasa, terutamanya yang berkaitan dengan dasar-dasar dan kepentingan kerajaan. Ini menunjukkan bahawa mereka sedar akan kedudukan politik mereka yang cenderung menyokong kerajaan Barisan Nasional. Kedudukan politik ini juga ditunjukkan dengan memberikan ulasan tentang isu-isu awam yang menjadi perdebatan antara kerajaan dan pihak pembangkang. Sebagai contoh, mereka menangani isu Hudud dengan cara menghubungkannya dengan pemahaman tentang ajaran Islam.

Kata orang PAS dan PKR, sembahyang (Perdana Menteri) Najib dan orang UMNO, Barisan Nasional tidak mendapat pahala. Ahli ulamak keluarkan (pernyataan) macam itu? Dia Tuhan ke? (Surti, 72 tahun, suri rumah, temubual 18 April 2013)

(Katanya) doa (penyokong) UMNO tak diterima. Lepas itu, yang baru-baru ini Nik Aziz mendoakan orang Islam supaya dilaknat. Itu pengetahuan di TV. (Katanya) "Ya Allah ya Tuhanku, laknatilah orang UMNO". Padahal kita orang Islam. Hanya kerana (perbezaan) parti (jadi) macam itu. (Nisak, 47 tahun, guru mengaji al-Quran, temubual 2 April 2014)

Menolak (hukum) Hudud itu sampai dianggap kafir ke? Sampai ke tahap itu mereka menghukum. Sekarang ini senyap (bila) DAP (Parti Tindakan Demokratik) kata langkah mayat aku dulu. Kenapa, kenapa engkau senyap? (Aliyah, 43 tahun, guru kaunseling, temubual 3 Jun 2014)

Pandangan mereka terhadap moral politik mengenai isu Hudud adalah berdasarkan pengetahuan dan keyakinan terhadap ajaran Islam. Namun, pengetahuan dan keyakinan mereka tentang Islam cenderung mengikut fahaman dan ajaran Islam sederhana yang diperkuuhkan oleh UMNO dari semasa ke semasa. Oleh itu, perkongsian makna mengenai moral politik boleh terbentuk ketika mereka menilai maklumat politik kerana wujudnya persamaan terhadap pemahaman tentang ajaran Islam yang dibincangkan oleh pemimpin UMNO di televisyen.

Tidak dinafikan bahawa UMNO dan Barisan Nasional dianggap sebagai payung politik dan keagamaan oleh masyarakat Melayu keturunan Jawa untuk mendapatkan perlindungan ekonomi dan sosial. Sejak dahulu lagi, sokongan

terhadap UMNO dan Barisan Nasional yang diberikan oleh masyarakat keturunan Jawa merupakan satu bentuk timbal balas terhadap jaminan kehidupan yang diperolehi (Khazin dan Sukiman, 1980). Bagi masyarakat keturunan Jawa di Kampung Parit Tujuh Baroh, sokongan terhadap kerajaan sedia ada merupakan sikap moral yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Apatah lagi, sokongan yang diberikan kepada kerajaan BN adalah sejajar dengan amanah ibu-bapa mereka yang kebanyakannya datang dari Tanah Jawa.

Memang sudah dididik dari dulu sebelum arwah bapak meninggal. Dia cakap, jangan ikut pengaruh luar. Kata dia, kerajaan ini sudah elok, jangan ikut yang lain. Tak tahu lagi besok kalau ikut yang lain. (Kerajaan) ini dah betul-betul elok. Kalau kita ganti, tahukah orang gantinya besok macam mana? (Syarifah, 66 tahun, suri rumah, temubual 04 April 2013)

Saya tengok bapak saya masa dia sakit, dia tak boleh bangun tapi dia cakap, "aku nak pakai baju itu, baju BN." Itu semangat dia. Semangatnya itu nampak. Kalau kita tak sokong Melayu, siapa lagi? Dia cakap macam itu. (Mashitah, 51 tahun, pemilik kedai runcit, temubual 23 April 2014).

Ya saya tahunya itu (BN) saja dari dulu. Tak ada hati nak berubah-ubah. Kalau UMNO menang ya menang, kalah ya kalah. Macam itu saja. Tak ada melompat-melompat pagar, tak ada. Daripada arwah bapak pun macam itu. (Malika, 63 tahun, suri rumah, temubual 20 Mei 2014)

Boleh disimpulkan bahawa wanita keturunan Jawa memahami kedudukan dan identiti politik Melayu mereka melalui pemahaman moral politik yang diperolehi daripada kandungan televisyen. Kedudukan politik yang condong kepada pembelaan dan sokongan terhadap UMNO/Barisan Nasional ini terlihat dalam tiga kecenderungan. Pertama, mereka akan memberi sokongan kepada keputusan dan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Kedua, piawaian moral keagamaan sederhana yang dipromosikan oleh UMNO akan digunakan untuk menilai isu-isu politik. Ketiga, sokongan mereka kepada kerajaan UMNO/Barisan Nasional merupakan salah satu bentuk rasa terhutang budi yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

KESIMPULAN

Seperti yang dikemukakan oleh Shamsul (1996), pembentukan identiti perlu difahami dengan mengambil kira tafsiran mengikut kerajaan (*authority-defined*) dan tafsiran seharian (*everyday-defined*). Proses pembentukan identiti Melayu selalunya dikaitkan dengan penerimaan dan pemahaman tentang Islam dan adat budaya Melayu yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di Malaysia khususnya

UMNO (Nagata, 1976; Reid, 2001; Vickers, 2004). Pentafsiran sehari-hari tentang identiti Melayu pula dapat difahami dengan mengambil kira pengalaman dan aktiviti sehari-hari termasuklah penontonan televisyen. Ini kerana televisyen di Malaysia menjadi lokasi kepada idea-idea tentang aspek-aspek kehidupan yang menggambarkan unsur-unsur identiti kebangsaan (Banarjee, 2000; Kartigesu, 1986). Televisyen yang bertindak sebagai landasan kepada khalayak untuk mengimajinasikan komuniti bayangan mereka (Anderson, 2006) telah membantu wanita keturunan Jawa di Kampung Parit Tujuh Baroh mendapatkan idea dan proses menjadi ahli masyarakat Melayu di negara ini.

Secara amnya, pentafsiran tentang identiti Melayu tersirat dalam pemahaman mereka terhadap moral keagamaan dan moral politik yang diperolehi daripada kandungan televisyen. Pertamanya, mereka memahami bahawa kepentingan menjaga moral Islam merupakan keutamaan yang diberi tumpuan oleh masyarakat Melayu. Oleh itu, mereka sentiasa mempertingkatkan pengetahuan agama dan mengubah pola berfikir yang lebih Islamik bersumberkan penontonan televisyen. Kedua, mereka memahami kedudukan politik mereka sebagai komponen penting masyarakat Melayu dengan memberi sokongan kepada UMNO/Barisan Nasional. Sokongan ini terbentuk daripada proses pemahaman moral politik yang diperolehi daripada maklumat-maklumat berkaitan isu-isu awam dan politik menerusi berita di televisyen. Sebagai penyokong UMNO/Barisan Nasional, mereka berkongsi nilai-nilai agama dan politik dengan kebanyakan penyokong UMNO lain yang terbentuk dalam komuniti tafsiran mereka. Ini menunjukkan bahawa wanita Melayu keturunan Jawa membentuk dan memperlihatkan semangat kekitaan kepada masyarakat Melayu melalui pemahaman moral agama dan politik. Dengan perkataan lain, moral keagamaan dan moral politik menjadi keutamaan bagi wanita keturunan Jawa untuk membentuk identiti Melayu mereka.

BIODATA PENULIS

Lily El Ferawati Rofil merupakan penuntut Doktor Falsafah di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Bidang kajian beliau berkaitan dengan pengajian media dan budaya dengan topik “penontonan televisyen dan pembentukan identiti campuran di kalangan wanita keturunan Jawa di Malaysia.” Emel:lilyelferawati@gmail.com

Md Azalanshah Md Syed merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (BA) dalam bidang pengajian media dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Seni Kreatif (MCA) dari Flinders University, dan Doktor Falsafah dari RMIT University, Australia. Emel: azalan@um.edu.my

Azizah Hamzah merupakan profesor di bidang komunikasi dan media massa di Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Beliau mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (BA) dari Universiti Malaya serta merupakan pemegang Ijazah Sarjana Falsafah (MPhil) dan Doktor Falsafah dari Stirling University, UK. Emel: azizah@um.edu.my

RUJUKAN

- Alasuutari, P. (1999). Cultural Images of the media. In Alasuutari, P. (Ed.), *Rethinking the media audience*. London: Sage Publications Ltd.
- Andaya, B. W. and Andaya, L. Y. (2001). *A History of Malaysia* (second ed.). Hampshire: Palgrave.
- Anderson, B. (2006, 1983). *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Arif Anwar, L. H., Safwan, I., Ubaidurrahman, Z., Harith Haiqal, H., Ker, Z. H., Anis, S. A., & Aisyah, M. H. (2014). Penerimaan Pelajar PERMATApintar terhadap Hiburan Tempatan dan Kesan terhadap Jati Diri Pelajar. Diterima daripada academia http://www.academia.edu/9445848/Penerimaan_Pelajar_PERMATApintar_terhadap_Hiburan_Tempatan_dan_Kesan_terhadap_Jati_Diri_Pelajar
- Banerjee, I. (2000). Cultural Industries and Cultural Dynamics in Malaysia: Critical Problems of content in the Age of Infrastructure. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication*, 16, 33-50.
- Barker, C. (2012). *Cultural Studies: Theory and Practice* (4th ed.). London: Sage.
- Barker, C. (1997). Television and the Reflexive Project of the Self: Soaps, Teenage Talk and Hybrid Identities. *The British Journal of Sociology*, 48(4), 611-628.
- Eveland, W. P. J., & Scheufele, D. A. (2000), "Connecting news media use with gaps in knowledge and participation," *Political Communication*, 17(3): 215-237.
- Faizul Nizar, A., & Nor Azura, A. (2013). Faktor Penerimaan Remaja Terhadap Drama Televisyen Bermesej Keislaman. Diperoleh daripada Universiti Putra Malaysia Institutional Repository <http://psasir.upm.edu.my/32148/>
- Fish, S. (1980). *Is there a text in this class? The authority of interpretive communities*. Cambridge: Harvard University Press.
- Gillespie, M. (1995). *Television, Ethnicity and Cultural Change*. London: Routledge.
- Hall, S. (2000). Who Needs Identity? In du Gay, P., Evans, J., Redman, P. (eds.), *Identity: A reader*. IDE: Sage Publications Inc.
- Haryati, Abdul Karim. (2014). Globalisasi, Penggunaan Media dan Identiti Hibrid di Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 1, 77-106.
- Juliana, A. W., Wang, L. K., Sharifah Shahnaz, S. S. (2013). Asian dramas and popular trends in Malaysian television industry. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 159-174.
- Juliana, A. W. (2011). Televisyen Talk Shows and the Public Sphere. *Jurnal Komunikasi – Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 29-45.
- Karthigesu, R. (1986). Television as a Tool for Nation-building in the Third

World: a Post-colonial Pattern, Using Malaysia as a Case Study. Kertas dibentangkan di International Television Studies Conference, London, 10-12 July.

- Khazin, M. T. (1984). Orang Jawa di Selangor: penghijrahan dan penempatan, 1880-1940. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia.
- Khazin, M. T., & Sukiman, B. (1980). Orang Jawa Pontian: Kedatangan dan Kegiatannya dalam Aspek Sosio-Ekonomi dan Politik Tempatan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 10, 35-66.
- Livingstone, S. & Markham, T. (2008). The contribution of media consumption to civic participation. *The British Journal of Sociology*, 59(2), 351-371.
- Milner, A. (2002). *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Miyazaki, K. (2000). Javanese-Malay: Between Adaptation and Alienation. *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 15(1), 76-99.
- Mohamad Subakir, M. Y. (1996). Shift in Language allegiance: The Javanese in Malaysia (Doctoral dissertation). Diterima daripada Proquest Dissertations and Theses. University of Hawaii, Manoa.
- Moores, S. (1996). *Interpreting Audiences: The Ethnography of Media Consumption*. London: SAGE Publications Ltd.
- Nagata, J. A. (1974). What is a Malay? Situational Selection of Ethnic Identity in a Plural Society. *American Ethnologist*, 1(2), 331-350.
- Noriah, M. (2001). *Jawa di Balik Tabir*. Bangi: UKM Press.
- Reid, A. (2001). Understanding Melayu (Malay) as a Source of Diverse Modern Identities. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32(3), 295-313.
- Roslina, A. L., Wan Amizah, W. M., & Ali, S. (2013). A Broadcasting History of Malaysia: Progress and Shifts. *Asian Social Science*, 9(6), 50-57.
- Saodah, W., Rizalawati, I., Zakirah, A., & Aiti Sakinah, L. (2012). Extended Hierarchy-of-Effect Model and its Application on Islamic Reality Shows towards Malay Community in Malaysia. Diterima pada 8 May 2014 daripada IIUM Repository http://irep.iium.edu.my/28441/1/Extended_Hierarchy_PAPER_2472012.pdf
- Sekimoto, T. (1994). Pioneer Settler and State Control: A Javanese Migrant Community in Selangor, Malaysia. *Southeast Asian Studies*, 32(2), 173-196.
- Shamsul, A. B. (2001). A History of an Identity, an Identity of a History: The Idea and Practice of “Malayness” in Malaysia Reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32(3), 355-366.
- Shamsul, A. B. (1996). Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis. *Southeast Asian Studies*, 34(3), 476 - 499.
- Tirtosudarmo, R. (2005, March). The Orang Melayu and Orang Jawa in

the ‘Lands Below the Winds’. Kertas dibentangkan di Crise workshop, Bogor, Indonesia.

- Umi M. Khattab (2010). Who are the diasporas in Malaysia? The discourse of ethnicity and Malay(sian) identity. *Sosiohumanika*, 3(2), 157-174.
- Vickers, A. (2004). ‘Malay Identity’: Modernity, Invented Tradition and Forms of Knowledge. In T. P. Barnard (Ed.), *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries* (pp. 25-55). Singapore: Singapore University Press.
- Zulkiplie, A. G. (1998). Diffusion of Islamic message through television: The experience of television Malaysia. Bangi: Department of Dakwah & Leadership.